

Zahid harap Tun M sempat kembali pada UMNO sebelum meninggal
Free Malaysia Today
Jun 11, 2016
Adam Abu Bakar

Sekiranya Dr Mahathir mahu kembali semula bersama UMNO, Zahid bersedia menerima dan mempertimbangkannya.

SUNGAI BESAR: “Saya berdoa pada Allah tidak begitulah keadaannya berlaku,” kata Naib Presiden UMNO Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan pemberita adakah beliau mahu Tun Dr Mahathir Mohamad kembali bersama UMNO sebelum meninggal.

Ini kerana, UMNO mempunyai rekod presiden UMNO meninggal di luar parti. Antaranya ialah allahyarham Datuk Onn Jaafar dan Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj.

Katanya, jika Dr Mahathir mahu kembali semula bersama UMNO, beliau bersedia untuk menerima dan mempertimbangkannya.

“Jika dia memohon, mungkin. Majlis Tertinggi akan bincang mengenai perkara ini jika dia betul-betul nak bersama kami.

“Kalau dia betul-betul hendak bersama dan tidak tikam kami dari belakang. Ahli UMNO dan pemimpin sangat berfikiran terbuka dan menerima jika dia memohon,” katanya pada sidang media di Pusat Media, di sini, hari ini.

Bagaimanapun, Zahid yang juga timbalan perdana menteri itu percaya Mahathir tidak akan memohon untuk kembali kepada UMNO buat masa ini.

Zahid juga sedih apabila Dr Mahathir bertindak memburukkan UMNO dan menggesa agar pengundi di Sungai Besar tidak mengundi calon BN.

“Kita memantau pergerakan Tun Mahathir di PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar walaupun kita tahu dalam sistem sebuah negara yang demokratik di Malaysia. Keizinan untuk berkempen amalan biasa.

“Kita sedih kerana dia bekas presiden UMNO, bekas perdana menteri sanggup untuk memburukkan calon BN dan berhasrat mengalahkan BN dalam PRK khususnya di Sungai Besar,” katanya.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/06/11/zahid-harap-tun-m-sempat-kembali-pada-umno-sebelum-meninggal/>